

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

- Fazli bin Said

PENYELARAS / PENGARANG

- Christine Mooi Meng Yee
- Clarice Patrick
- Nurul Huda binti Azmi
- Nurul Dalila binti Daud
- Norliza binti Nasir
- Noor Aini binti Ahmad
- Suhidah binti Abdullah
- Mohd. Fairuz Azizi bin Abdullah
- Wan Muhamad bin Wan Junoh

TERBITAN

Unit Integriti
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4, Blok E12
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya



03 - 8884 7982



03 - 8884 7922



wmuhamad.wjunoh@moe.gov.my



<http://www.moe.gov.my>

SUMBANGAN KARYA

- Kami mengalu-alukan sebarang sumbangan karya bertema integriti (rencana, artikel, berita, cerpen, sajak dan lain-lain) untuk dikongsi bersama pembaca Buletin Integriti.
- Hantarkan karya anda ke kpm.ui@moe.gov.my.

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT.

Syukur dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya kita berpeluang untuk menatap Buletin Integriti Siri I Tahun 2018. Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada barisan Sidang Redaksi dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penerbitan buletin ini.

“...budaya kerja yang menggabungkan disiplin, tanggungjawab, integriti dan kebertanggungjawaban serta menjaga kerahsiaan mesti menjadi jati diri setiap penjawat awam agar menjalankan tugas dengan jujur dan telus”.

(YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, KSN 26 April 2016)

Begitu jugalah harapan saya terhadap pegawai-pegawai KPM di semua peringkat, yakni Bahagian, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, institusi dan sekolah serta agensi di bawah KPM supaya menjadikan disiplin dan integriti yang tinggi, bertanggungjawab serta menjaga kerahsiaan sebagai jati diri atau identiti kita selaku penjawat awam.

KPM merupakan antara organisasi terawal pada tahun 2017 untuk menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) yang dimulakan di peringkat Kementerian dan diikuti oleh Jabatan-Jabatan Pendidikan Negeri serta agensi di bawah KPM. IBR secara langsung menjadi komitmen warga KPM untuk melaksanakan tanggungjawab secara berintegriti.

Saya pasti kita semua maklum bahawa KPM mempunyai warga penjawat awam yang paling ramai berbanding kementerian lain. Oleh yang demikian, secara tidak langsung **etika dan integriti yang diamalkan oleh warga KPM mencerminkan jati diri penjawat awam.** Pelbagai usaha KPM di semua peringkat telah, dan akan dilaksanakan untuk memantapkan jati diri warga KPM termasuklah program-program integriti. Sokongan padu semua warga KPM diyakini dapat membantu menjayakan pemantapan jati diri seterusnya meneruskan kecemerlangan perkhidmatan awam.

Memetik kata-kata YB Menteri Pendidikan Malaysia sempena Majlis Perutusan Tahun Baharu 2018, marilah kita bersama-sama menjadi pemikir dan pemimpin perubahan serta pemimpin transformasi untuk melestari dan memperhebatkan pelaksanaan program pendidikan. Saya menyeru setiap warga KPM untuk bekerja sebagai satu pasukan, elakkan budaya silo, mantapkan jati diri dan diharapkan segala usaha bersama dapat menjadikan penyampaian perkhidmatan sepanjang tahun 2018 lebih baik daripada tahun-tahun sebelumnya.

Semoga segala perkongsian melalui buletin ini dapat memberi manfaat kepada semua pembaca.

Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad

Ketua Setiausaha,
Kementerian Pendidikan Malaysia



SEMANGAT JATI DIRI PENJAWAT AWAM

Oleh: Nurul Dalila binti Daud, UI KPM

Jati diri menurut Kamus Dewan Edisi Keempat bermaksud **sifat atau ciri yang unik dan istimewa** (daripada segi adat, bahasa, budaya, agama dan sebagainya) **yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu, sesuatu bangsa dan sebagainya.**

Berdasarkan Akhbar Utusan pada 26 April 2016, Ketua Setiausaha Negara (KSN) Tan Sri Dr. Ali Hamsa pernah menyatakan bahawa, **gabungan disiplin, tanggungjawab, integriti dan kebertanggungjawaban serta menjaga kerahsiaan mesti menjadi jati diri setiap penjawat awam untuk menjalankan tugas dengan jujur dan telus.**

Selain itu, **amalan kerja yang cekap, cepat serta berintegriti dalam melaksanakan tanggungjawab akan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap**

prestasi perkhidmatan

awam. Tan Sri Dr. Ali Hamsa turut mengingatkan penjawat awam untuk

menumpukan usaha dan tenaga ke arah penyampaian perkhidmatan yang efektif, efisien, berkualiti, telus, mendahului dan mementingkan rakyat dan pelanggan.



“Warga kerja yang mengamalkan budaya kerja yang cemerlang menjadi aset penting ke arah mewujudkan perkhidmatan awam yang produktif dan berkualiti”.

(KSN Tan Sri Dr. Ali Hamsa)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Zainal Rahim Seman semasa Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perkhidmatan Awam pada 14 November 2017 juga telah menyatakan bahawa penjawat awam diminta untuk **memupuk semangat jati diri yang tinggi dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab kepada rakyat.**

Menurut beliau, **dengan adanya sifat jati diri tersebut akan meletakkan penjawat awam di kedudukan yang paling atas sekali gus meningkatkan integriti** dalam kalangan mereka. Beliau juga menyatakan bahawa sejak akhir-akhir ini isu penyalahgunaan kuasa, pecah amanah, rasuah, penyelewengan walaupun dilakukan oleh segolongan kecil namun ia mempunyai kesan negatif kepada penjawat awam yang berkhidmat. Beliau turut mengingatkan, gejala penyalahgunaan kuasa berlaku tanpa disedari justeru keutamaan nilai integriti seperti sifat kejujuran dan amanah ternyata dapat membendung berlakunya perkara-perkara yang terlarang.

Selain itu, katanya lagi **penjawat awam pada masa ini berperanan sebagai fasilitator dalam menguruskan perjalanan pentadbiran negara dan mereka diibaratkan tulang belakang yang menggerakkan polisi pentadbiran negara.** Beliau mengakui **tanpa sokongan dan dokongan penjawat awam maka sebahagian besar dasar kerajaan amat sukar untuk dilaksanakan.**

Bagi **memantapkan jati diri** dalam kalangan penjawat awam pelbagai program boleh dijalankan. Antaranya ialah Program Latihan Transformasi Negara (PLTN) bagi penjawat awam yang dijalankan oleh pihak Biro Tatanegara (BTN). Objektif PLTN ini diadakan adalah untuk **meningkatkan nilai jati diri yang tinggi kepada penjawat awam serta memberi pendedahan mengenai patriotisme agar penjawat awam dapat menjadi penggerak utama transformasi negara.**



Selain itu, program ini juga telah **memberi pendedahan kepada penjawat awam mengenai budaya kerja yang cemerlang agar pekerjaan yang dilakukan memacu mereka ke arah yang lebih sistematik dan berintegriti.**

Pelaksanaan modul tersebut berupaya **membentuk jati diri penjawat awam supaya lebih berintegriti dan berprestasi tinggi, sekali gus memperkemas sistem penyampaian sektor awam lebih cekap, berkualiti dan berinovasi.**

Selain itu, Modul Inisiatif Transformasi Desa (Intrade) menerusi Program Diploma Pasca Siswazah Pengurusan Awam (DPA) yang diperkenalkan oleh Institut Tadbiran Awam (INTAN) juga mampu melahirkan penjawat awam yang menyumbang kepada kecemerlangan pentadbiran negara.

“Kecemerlangan bukan sekadar diukur dengan tercapainya sasaran kerja tetapi juga perkhidmatan yang BERSIH dan BERINTEGRITI”.
(KSN Tan Sri Dr. Ali Hamsa; Majlis APC JPM 2015)

Kesimpulannya, sebagai penjawat awam yang menjadi tunjang utama kepada pentadbiran kerajaan, **pemantapan jati diri haruslah dipupuk dalam diri masing-masing.** Selain itu, penjawat awam juga **haruslah berusaha untuk memantapkan jati diri masing-masing** bagi membolehkan aspirasi Transformasi Nasional 2050 atau TN50 dapat dicapai dan terlaksana dengan jayanya bagi meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan rakyat dan negara Malaysia.


Rujukan:

1. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/diisiplin-tanggungjawab-integriti-perlu-jadi-jati-diri-penjawat-awam-ksn-1.291262>




Falsafah CONFUCIUS

Oleh: Christine Mooi Meng Yee, UI KPM



1 博学之，审问之，慎思之，
明辨之，笃行之。

——孔子《中庸》



意思是说：广泛地学习，详尽地探究，慎重地思考，清楚地辨别，忠实地执行。如此对待学习、学问，方可才智兼备。

【bó xué zhī ,shěn wèn zhī ,shèn sī zhī ,míng biàn zhī ,dǔ háng zhī】

广泛地学习，详尽地探究，慎重地思考，清楚地辨别，忠实地执行。如此对待学习、学问，方可才智兼备。

Untuk memiliki kemampuan dan kebijaksanaan, pembelajaran dan pengetahuan kita perlu:

Belajar secara meluas, meneroka dengan teliti, berfikir dengan cermat, mengenal pasti secara jelas, dan melaksanakan perkara dengan jujur.

Sumber: http://www.tupian114.com/shiliangtu_9683817.html

Confucius adalah seorang guru Cina, editor, ahli politik, dan ahli falsafah dalam sejarah Zaman Musim Bunga dan Musim Luruh (春秋时代) yang terkenal di negara China (551 - 479 SM). Beliau merupakan seorang tokoh yang amat berpengaruh, termasuklah Piagam Kemerdekaan Amerika Syarikat (*Declaration of Independence*) sangat terpengaruh oleh ajaran Confucius (Conklin, 2007). Falsafah yang diajar beliau masih diguna pakai pada zaman moden ini.

Falsafah Confucius, yang juga dikenali sebagai Confucianism, menekankan tentang **akhlak, keperibadian dan kerajaan, kebenaran hubungan sosial, keadilan serta keikhlasan**. Falsafah beliau juga melibatkan moral dan konsep pemerintahan melalui suri teladan dan cara-cara melayani rakyat.

2

非礼勿视，非礼勿听，非礼勿言，非礼勿动。

【fēi lǐ wù shì, fēi lǐ wù tīng, fēi lǐ wù yán, fēi lǐ wù dòng】
不符合礼的不看，不符合礼的不听，不符合礼的不说，不符合礼的不做

Apa yang tidak beradab dan tidak betul:

- JANGAN pandang;
- JANGAN dengar;
- JANGAN diucap: dan
- JANGAN sesekali kita lakukan.

3

德之不修，学之不讲，闻义不能徙，不善不能改，是吾忧也。

【Dé zhī bù xiū, xué zhī bù jiǎng, wén yì bù néng tú, bù shàn bù néng gǎi, shì wú yōu yě】
品德不加以修养，学问不勤于研究，听到符合道义的事，不能竭力去做，自己有缺点不能改正，这些都是我忧虑的啊！

Perkara yang MERISAUKAN Confucius adalah jika kita:

- TIDAK MEMBUAT penambahbaikan moral;
- MALAS meneroka ilmu pengetahuan;
- MALAS melakukan sesuatu yang bermoral;
- TIDAK berlaku adil; dan
- TIDAK cuba memperbaiki kelemahan diri.

4

默而识之，学而不厌，诲人不倦，何有于我哉

【Mò ér shí zhī, xué ér bù yàn, huì rén bù juàn, hé yǒu yú wǒ zāi】
把所学的知识默默地记在心中，勤奋学习而不满足，教导别人而不太倦怠，对我来说还有什么遗憾。

Tiada apa yang perlu dikesali dalam hidup ini jika kita dapat mengingati semua yang dipelajari (dengan bersungguh-sungguh dan berterusan) dan menyampaikannya kepada orang lain (tanpa jemu).

PRINSIP sebagai seorang guru yang berdedikasi:

- Guru itu perlu BERILMU dan sentiasa MENINGKATKAN ilmu pengetahuan dari semasa ke semasa secara BERTERUSAN tanpa merasa jemu.

5

学而不思则罔，思而不学则殆

【Xué ér bù sī zé wǎng, sī ér bù xué zé dài】
指的是一味读书而不思考，就会因为不能深刻理解书本的意义而不能合理有效利用书本的知识，甚至会陷入迷茫。而如果一味空想而不去进行实实在在地学习和钻研，则终究是沙上建塔，一无所得

“BELAJAR TANPA BERFIKIR akan menyebabkan seseorang tidak dapat memahami dan tidak dapat menguasai sepenuhnya pengetahuan yang dipelajari, serta boleh MENYEBABKAN seseorang itu LEBIH KELIRU. Manakala, sekiranya seseorang itu BERFIKIR TANPA BERTINDAK (tidak mengaplikasikan apa yang dipelajarinya), maka seseorang itu tidak akan memperoleh apa-apa”.

Rujukan:

1. ConklinWendy. (2007). *Confucius: Chinese Philosopher*. California: Teacher Created Materials Publishing. Penulis: 盛文林; Buku: 《终生受益的孔子名言》; Penerbit: 北京工业大学出版社; Tahun 2011

Mantapkan Jati Diri

Oleh: Christine Mooi Meng Yee, UI KPM

Integriti bukan lagi isu hangat yang sering disebut. Untuk melangkah ke masa hadapan yang lebih cemerlang, kerajaan dalam usaha untuk menerapkan budaya integriti bukan sahaja dalam kalangan penjawat awam tetapi juga pihak swasta. Sekiranya integriti tidak dijaga, imej negara akan dijejaskan dengan unsur-unsur rasuah, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan kes jenayah meningkat. Semua perkara ini akan memberi kesan kepada ekonomi negara di mana pelabur asing tidak lagi yakin untuk melabur di negara ini. Oleh itu, dalam usaha mencapai negara maju dan berintegriti, ia merupakan tanggungjawab semua rakyat Malaysia. Integriti perlu dihayati dan difahami oleh semua lapisan masyarakat supaya budaya integriti ini dapat dikekalkan.


Antara usaha-usaha yang lebih efisien dipercayai dapat memupuk budaya integriti adalah melalui pendidikan.

Para pendidik merupakan contoh teladan kepada anak murid mereka selain ibu bapa.

Para pelajar akan belajar melalui pemerhatian terhadap tingkah laku dan interaksi dengan orang dewasa. Sebelum mencapai umur persekolahan, kanak-kanak belajar dengan ibu bapa atau orang dewasa di persekitaran. Namun, setelah mencapai usia 7 tahun, kanak-kanak diwajibkan untuk menerima pendidikan di sekolah. Masa yang diluangkan di sekolah adalah lebih panjang berbanding dengan waktu yang diluangkan di rumah.

Oleh itu, sekolah memainkan peranan yang amat penting untuk mewujudkan satu suasana yang merangsang ke arah pembentukan sahsiah para pelajar.

Integriti adalah sifat jati diri yang ikhlas, telus, terbuka, amanah, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai dan berpegang kepada prinsip. Maka, untuk mencapai integriti, jati diri yang merupakan identiti atau lambang keperibadian seseorang individu sepatutnya diperkukuhkan.



Guru-guru bukan sahaja mengajar, tetapi mendidik murid-murid mereka dengan nilai murni yang baik.

Para pendidik yang mempunyai keperibadian mulia akan melahirkan anak murid yang juga bermoral tinggi.

Guru yang mempunyai jiwa mendidik akan mengamalkan jati diri yang mulia serta memberi panduan dan nasihat kepada murid-muridnya.

TIP MEMANTAPKAN JATI DIRI:

- ✓ **Memahami objektif kehidupan dan berpegang kuat kepada prinsip** untuk mencapai objektif dengan cara yang betul.
- ✓ **Mengenal pasti minat dan melakukan hobi yang berfaedah.** Ini merupakan cara untuk menghilangkan tekanan serta menjauhi diri dari elemen negatif.
- ✓ **Mengenal pasti mentor dalam kehidupan yang boleh memberi panduan dan nasihat yang positif.** Jika mentor tersebut juga merupakan ahli keluarga, ini akan mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan.
- ✓ **Menjauhi diri dari segala perkara yang berunsur negatif** termasuk mengumpat dan menyebarkan gosip buruk tentang orang lain. Bergosip dan mengumpat tidak membantu membuat penambahbaikan dalam kehidupan kita, malah perbuatan ini mungkin akan memburukkan imej sendiri dan hubungan dengan orang lain.
- ✓ **Jangan terlalu terikut dengan kata-kata orang lain.** Yakin dan bertabah sekiranya keputusan dan tindakan sendiri adalah benar. Mempunyai pendirian yang rasional dan matang, emosi stabil dan tidak mudah dipengaruhi orang boleh menjauhkan diri dari pengaruh buruk. Namun, hati perlu terbuka untuk menerima pandangan yang baik dan membina.

*Pencapaian dan kejayaan seorang guru bukan dinilai hanya pada pencapaian akademik murid tetapi juga berdasarkan **kebolehan untuk melahirkan insan yang berakhlak tinggi.***

Sehubungan dengan itu, **para pendidik adalah diingatkan untuk sentiasa memaparkan personaliti dan jati diri yang berintegriti di mana jua mereka berada.**



Murid-murid yang umpama biji benih yang baharu bercambah, jika disemai, dibaja serta dijaga baik oleh guru-guru, generasi muda yang merupakan generasi pemimpin masa depan akan membawa perubahan dalam masyarakat, dan akhirnya membentuk asas jati diri rakyat Malaysia yang kuat.





SAMBUTAN HARI INTEGRITI

Kementerian Pendidikan Malaysia | 14 November 2017 | Auditorium Kompleks E



Sambutan Hari Integriti KPM:

Meningkatkan kesedaran, kefahaman, serta penghayatan integriti dalam kalangan masyarakat terutamanya Warga KPM.

Penerima Anugerah Tokoh Teladan Integriti 2017

Kategori P&P : Dr. Rodiah binti Idris (paling kiri)

Kategori AKP : Jama'ah binti Zainal Abidin (2 dari kiri)

Cerpen

Dia Guruku..

Oleh: Nurul Huda binti Azmi, UI KPM

Langit

hari itu sangat cerah. Awan membiru serta sebahagiannya seperti kapas memutih ibarat lukisan indah. Aiman Nur Hakim, berusia 28 tahun dan berpangkat Pengarah sebuah syarikat milik bersama rakan-rakannya membuka daun pintu keretanya perlahan.

Diatur langkahnya berhati-hati sebelah demi sebelah kakinya dan terus berdiri kemas di sisi BMW X6 rona hitam pekat. Bayang-bayang dirinya pada biasan cermin kereta diperhatikan dan dipusing sedikit tali leher putih berbelang biru yang sedia terlilit di leher kemeja biru gelap yang sedikit ketat. Susuk tubuhnya yang sedikit sasa berdada bidang, tinggi lampai, kulit sawo matang jelas terserlah.

Langkahnya disusun kemas menuju bangunan 25 tingkat di hadapannya. Sebaik langkahnya menghampiri pintu kaca yang berkilau seperti kilauan permata dek pantulan cahaya matahari, dedaun pintu dibuka dengan sendirinya.

"Selamat pagi!" Sapa seorang lelaki usia awal empat puluhan berbaju putih berseluar hitam dan beret berdiri di balik daun pintu kaca. Aiman hanya membalas dengan senyuman. Kakinya terus melangkah pantas, lalu Aiman menyelak lengan bajunya sedikit bagi melihat jam Casio berwarna emas yang terlilit rapi ditangannya. Jam menunjukkan pukul 8.45 pagi. Langkah Aiman semakin laju menuju ke deretan lif di bahagian tengah lobi yang serba indah dengan dekorasi moden kontemporari.

Namun, langkahnya seakan tidak seiring dengan mindanya. Seakan ada sesuatu yang bermain di mindanya. Kecantikan dekorasi itu tidak berjaya memukau seperti selalu. Ya, hari ini dia tidak memuji keindahan dekorasi itu. Pandangannya terus dilemparkan ke luar jendela.



"Mas, masuk kechap". Jejeri Aiman pantas menekan telefon yang berada di atas mejanya. Seketika dilihat daun pintu dikuak dan Mas Munirah, Setiausaha Pejabat Aiman masuk terkocoh-kocoh menuju ke meja Aiman. Sememangnya Mas terkenal dengan sikap gabranya setiap kali dipanggil Aiman.

"Hari ni batalkan semua temu janji saya."

Aiman terus memberikan arahan kepada Mas sebelum sempat Mas bertanya apa-apa.

"Saya ada hal nak diuruskan".

Aiman meneruskan lagi kata-katanya.

Fikirannya seakan berada jauh dari planet bumi. Dia sudah begini sejak semalam. Kotak fikirannya penuh tanda tanya. Jiwanya memberontak mahukan jawapan segera tapi tiada satu jawapan yang dijumpai. Dia nekad hari ini dia mesti mencari jawapan itu. Tidak dapat tidak setiap persoalan dibenaknya terjawab.



"Cikgu Man!" Aiman separa menjerit sebaik daun pintu kedai kopi ditolak. Orang yang dicari selama ini ditemui. Insan yang telah mendidik saat Aiman hampir hanyut. Susuk tua separuh bongkok, berbaju t-shirt lusuh dan berseluar slack kelabu yang amat pudar warnanya serta merta memalingkan kepalanya ke arah pintu masuk kedai. Lelaki tua itu kelihatan sedikit kebingungan. Aiman lantas berlari dan memeluk erat tubuh tua itu. Seketika masing-masing saling menatap wajah bersama air mata yang diseka.

Aiman duduk di tepi jendela. Secawan kopi panas masih terhidang di atas meja bulat di hadapannya. Aiman melabuhkan pandangannya ke luar jendela. Dia seakan memeriksa setiap susuk tubuh manusia yang lalu lalang di tepi jendela itu. Seakan mencari seseorang.

Namun hampir dua jam di situ, tak ditemui apa yang dicari. Aiman terus dihambat kekecewaan. Pandangan dialihkan kembali ke dalam Kedai Kopi Hipster.

Setiap meja dipenuhi manusia dengan pelbagai gaya. Kebanyakan muda mudi berpakaian kemas. Setiap manusia itu dilihat sibuk bercerita mungkin sampai ke bintang barangkali. Ada juga yang matanya hanya tertumpu pada skrin telefon pintar.

Pandangan Aiman tiba-tiba seakan ditarik ke luar jendela kembali. Aiman terkesima, apa yang dicarinya kini di depan mata.

“*Cikgu, Aiman dah lama cari cikgu. Dah lama sangat Aiman nak jumpa dan peluk cikgu. Aiman terhutang budi sangat-sangat pada cikgu. Aiman rindu cikgu sangat*”.

Aiman mengucapkan sahaja apa yang tersimpan sekian lama. Terlalu banyak yang ingin diluahkan pada Cikgu Man.



Ya, Cikgu Man merupakan insan yang menjadikan Aiman siapa dirinya sekarang. Insan yang menghulurkan tangan di saat dia hanyut. Dia hampir lemas ketika itu. Bahkan terlalu nakal. Namakan sahaja perbuatan apa yang tidak pernah dicuba. Namun tidak sehingga membunuh atau merompak.

Ternyata didikan Cikgu Man satu ketika dahulu akhirnya membuahkan hasil. Perit jerih beliau memberi nasihat, lontaran kata-kata motivasi dan kasih sayang tanpa sedar telah menjadikan Aiman insan berguna. Kesedihan bertamu lagi di hati Aiman tatkala memandang wajah tua itu. Memandang wajah tua yang dimamah usia tambahan pula kesan kecederaan akibat kemalangan jalan raya yang teruk 10 tahun lepas menjadikan Aiman lebih sebak.

Mungkin jika Cikgu Man tidak menyambut tangannya ketika itu, Aiman sekarang mungkin penagih dadah mahupun sampah masyarakat. Di saat tiada siapa yang percaya padanya, Cikgu Man meletakkan setinggi harapan pada anak nakal ini. Ketika semua insan sibuk mencerca dan memaki hamun Cikgu Man tanpa lelah memberikan semangat dan kata-kata nasihat. Dia tidak pernah berhenti membantu Aiman. Wang ringgit dan masanya dikorbankan tanpa meminta balasan daripada anak yatim seperti Aiman. Aiman sangat nakal ketika itu.

Seluruh keluarganya maut dalam kemalangan itu. Cikgu Man pula mengalami pendarahan dalaman dan koma selama tiga bulan. Sebaik sedar daripada koma, beliau dikejutkan pula dengan berita kematian isteri dan tiga orang anaknya dalam kemalangan tersebut. Cikgu Man menghadapi trauma dan tekanan perasaan yang teruk. Akhirnya beliau disahkan menghidap gangguan mental dan dibersara.

"Cikgu ikut Aiman balik ya, kita duduk rumah Aiman. Nanti Aiman temankan cikgu hari-hari".

Aiman memegang erat jari-jemari tua itu. Sesekali pandangan melirik kepada wajah tua di kerusi penumpang itu. Kereta BMW X6 itu terus meluncur laju menuju Bukit Antarabangsa. Aiman nekad untuk membalas budi Cikgu Man. Aiman akan menjaga Cikgu Man hingga ke hujung usianya.

Sajak INTEGRITI DAN KAMU

Oleh: Nurul Huda binti Azmi, UI KPM

Amanah ini terpikul dan terbeban
 Dibahu setiap insan
 Tanpa mengira usiamu
 Tanpa mengira apa jantinamu
 Tanpa mengira asal kampungmu
 Tanpa mengira darjatmu

Mulai kau mengenal jati dirimu
 Maka itu ia mengekorimu
 Semakin laju kau melangkah
 Semakin dekat ia mendekatimu

Saban hari kau takkan dan lari
 Ia ada di situ
 Dan kau senantiasa bersamanya
 Terima atau tidak kau yang tentukan
 Laksanakan atau tidak kau juga yang tentukan

Integriti itu satu amanah
 Mahu atau tidak kau harus memikulnya
 Mahu atau tidak kau harus laksanakannya
 Andai kau terpesong maka hidup tiada nilainya lagi.

PUISI

Mantapkan Pesannya Guru: Jati Diri

Oleh: Suhidah binti Abdullah, UI KPM

25 tahun lalu kaulah guru yang inginku dekati
 Terpisah jua akhirnya sehingga kau pergi
 Tunjuk ajarnya dijunjung tinggi
 Tunjuk ajarmu dipegang mati

Pesananmu ku sentiasa ingati
 Tanda Melayu jati dengan Islam ia bersehati
 Tanya Melayu jati kepada ibu bapa ia berbakti
 Tanda Melayu jati adil dan benar pelita hati
 Tanda Melayu jati belajarnya tekun sampai mati

Tunjuk ajarmu ilmu yang diberkati
 Keimanan mantap pembentukan jati diri
 Pemantapan institusi keluarga jadi asas diri
 Kekuatan agama membentuk diri

Pantun

MANTAPKAN JATI DIRI

Oleh: Norliza binti Nasir, UI KPM

Bunga kembang dibiarkan layu
 Menjalar tumbuh dipandang tidak jemu
 Islam itu agama rasmi
 Membentuk sahsiah dalam diriku

Atap rumbai tempatku berpayung
 Batang selasih dimakan jangan
 Ibu bapa tempat ku berlindung
 Menyemai kasih mencari pegangan

Ikan Patin dalam masakan
 Enak dimakan seisi keluarga
 Hormat menghormati diterapkan
 Lambang perpaduan generasi muda

Duduk bersimpuh si gadis ayu
 Tersenyum manis tersimpul malu
 Bahasa Melayu lambang diriku
 Negara Malaysia tanah air ku

Beduk dipalu gegak gempita
 Anak Raja menaiki takhta
 Semangat kecintaan pada negara
 Identiti bangsa berjaya.

Potensi rohanimu haruslah diikuti
 Penghayatan nilai-nilai murni berbudi pekerti
 Potensi jasmani dipandu kecerdasan fizikal dan mental diri
 Demi diriku buat masyarakat dan negara kini

Guru kau tinggalkan pesan
 Nilai akhlak dan etika agama Islam jadi pegangan diri
 Pupuklah ia ke akhir zaman
 Walau kemajuan teknologi menguasai diri

Guruku bukan harta yang diharapkan
 Bukan kuasa yang menjadi lambing kemegahan dunia
 Tetapi apa yang aku inginkan
 Adalah sokongan dan taatku pada negara bangsa

Guruku tidak kurang tidak lebih sesekali
 Masih ada yang menanti
 Tapi andainya rohmu sukar untuk menemukan jati diri
 Maka bersiap untuk aku hadapi kemungkinan nanti



TANGGUNGJAWAB
PEGAWAI AWAM
TERHADAP PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN AWAM
BERDASARKAN
TATAKELAKUAN
PEGAWAI AWAM

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 28 TAHUN 2009

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI AWAM

- (a) melaksanakan tugas dengan cekap;
- (b) jujur dan amanah;
- (c) bertanggungjawab serta berintegriti;
- (d) meletakkan kepentingan awam lebih utama daripada kepentingan sendiri;
- (e) tidak menggunakan kedudukan awam bagi faedah sendiri;
- (f) menjaga imej perkhidmatan awam; dan
- (g) tidak cuai melaksanakan tugas.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

1. Memastikan setiap pegawai di bawah seliaan masing-masing untuk memahami, menghayati, dan mematuhi peringatan dan penjelasan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.
2. Bertanggungjawab menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai dan melaporkan sebarang pelanggaran tatakelakuan, aku janji atau peraturan yang berkuat kuasa kepada Pihak Berkuasa Tatatertib untuk diambil tindakan tatatertib.



P.U. (A) 395. PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993

PEGAWAI
TIDAK HADIR
BERTUGAS

tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah

BOLEH MENYEBABKAN PEGAWAI ITU DIKENAKAN
TINDAKAN TATATERTIB

1 **KETUA** Jabatannya hendaklah mengemukakan suatu laporan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan dan Pihak Berkuasa Tatatertib itu hendaklah memulakan tindakan tatatertib terhadap pegawai itu.

2 Jika pegawai itu **DAPAT dikesan** dan gagal mengemukakan alasan yang munasabah atau tidak mendapat kebenaran Ketua Jabatan: Pegawai itu boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga dibuang kerja.

Jika pegawai itu **TIDAK DAPAT dikesan**: Pewartaan boleh dilaksanakan dan jika pegawai itu tidak melaporkan diri untuk bertugas dalam tempoh tujuh hari dari tarikh penyiaran notis yang disebut dalam subperaturan (4), pegawai itu hendaklah disifatkan telah dibuang kerja daripada perkhidmatan berkuat kuasa mulai dari tarikh dia tidak hadir tanpa cuti.

3 Pegawai itu **TIDAK BERHAK** menerima apa-apa emolumen bagi tempoh ketidakhadirannya dan segala emolumen sedemikian hendaklah disifatkan telah terlucut hak.

